

01/04/2001

Dr Anuwar tidak berganjak

Halmi Samad

BANGI: Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datuk Dr Anuwar Ali tidak berganjak dengan keputusan menjadikan Jabatan Pengajian Melayu (JPM) sebagai Program Pengajian Melayu (PPM) di bawah penstrukturan semula fakulti, berkuatkuasa sesi akademik 2002/2003.

Serentak itu, beliau menasihatkan semua pihak menghormati keputusan Senat pada 21 Mac lalu yang meluluskan pembentukan lima pusat pengajian dan program Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan (FSSK).

"Saya harap semua pihak termasuk Badan Penyelamat Pengajian Melayu yang ditubuh sekumpulan ahli akademik kononnya bagi menyelesaikan isu penurunan status JPM, supaya akur dengan keputusan Senat UKM.

"Setahu saya mereka ahli akademik. Seharusnya orang akademik tahu menghormati Senat. Senat adalah institusi tertinggi di dalam sesuatu universiti.

"Mereka orang akademik seharusnya tahu. Senat itulah yang paling unggul di dalam sesebuah universiti," katanya ketika mengulas lima usul dikemuka Badan Penyelamat Pengajian Melayu dalam sidang akhbar di Bilik Mesyuarat Canselori UKM di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik), Prof Datuk Dr Abdul Samad Hadi; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Datuk Dr Mohd Salleh Yasin; Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Prof Dr Shamsul Amri Baharuddin serta Dekan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK), Prof Dr Samsudin Abdul Rahim.

Kelmarin, Badan Penyelamat Pengajian Melayu menghantar lima usul kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dr Anuwar.

Antara usul berkenaan ialah Pengajian Melayu di UKM perlu disatukan dengan menggabungkan JPM, Jabatan Linguistik dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma); menolak keputusan Senat UKM meletakkan JPM di bawah Pusat Pengajian Bahasa, Budaya dan Sastera; bersetuju dengan JPM yang tidak menolak penstrukturan semula FSJK serta menyokong JPM yang tidak bersetuju dengan bentuk penstrukturan semula yang melemahkan dan merendahkan taraf Pengajian Melayu.

Katanya, pensyarah JPM sewajarnya mendengar nasihat Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsudin, yang mahukan masalah terbabit diselesaikan di peringkat dalaman.

"Tidak usah kita selesaikan di luar. Kita ada Senat. Kalau ada masalah kita selesaikan di dalam. Setahu saya ada orang luar di dalam Badan Penyelamat Pengajian Melayu," katanya.

Beliau berkata, pensyarah JPM juga boleh mengemukakan sebarang pertanyaan, permasalahan atau rasa ketidakpuasan hati melalui saluran ditetapkan kerana lebih menampakkan suasana akademik.

Mengenai dakwaan kononnya JPM diturunkan status kerana bakal menawar 14 kursus daripada 51, Dr Anuwar berkata, sebenarnya hanya 37 kursus ditawarkan sekarang, tetapi ia boleh diubah suai mengikut keperluan.

"Sekarang ini semua pihak sedang berbincang. Mulai minggu depan, semua tenaga akademik akan bertemu untuk berbincang dan memperincikan program pengajian yang bakal ditawarkan. Yang penting di sini ialah pelajar bukannya pensyarah," katanya.

(END)